

Pencalonan AMD 2012 minggu ini



.....
RAPIK B.

AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Balai Ringin, Snowdan Lawan yang juga Pengerusi Dayak Artistes & Musicians Association (DAMA) mengumumkan bahawa pencalonan bagi Anugerah Muzik Dayak 2012 (AMD) akan diumumkan selewat-lewatnya minggu ini.

"Kami (DAMA) akan mengumumkan senarai pencalonan AMD 2012 selewat-lewatnya minggu ini," jelas Snowdan.

PENGERUSI DAMA, Snowdan Lawan ketika ditemuramah di pejabat DAMA yang terletak di Tabuan Jaya, Kuching.

Dalam pada itu, Snowdan memberitahu, calon yang berjaya menempatkan diri dalam senarai akhir bagi setiap anugerah yang dipertandingkan terpaksa melalui proses ketat yang dilakukan oleh juri-juri terlatih dan profesional dalam bidang muzik dan seni persembahan.

Menurut Snowdan, pada malam finalis yang akan diadakan pada 24 November nanti bakal disajikan dengan persembahan menarik daripada artis Dayak dan artis undangan.

"Pada malam 24 November nanti, terdapat sekurang-kurangnya 18 persembahan.

"Selain artis tempatan, Jimmy Palikat, Candy dan Project Pistol antara artis undangan yang turut menggegarkan AMD 2012," tambah Snowdan.

AMD merupakan salah

satu anugerah yang diberikan kepada golongan artis Dayak dalam industri muzik termasuk muzik Iban, Melanau dan Orang-Ulu.

Selain itu, AMD yang diadakan setiap dua tahun-sekali itu nanti akan berlangsung di Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Sebelum ini juga, jerayawara DAMA turut diadakan di beberapa lokasi terpilih di Sarawak termasuk Miri, Bintulu, Sibu, Betong dan akhir sekali di Kuching pada 28 Oktober lalu.

Justeru, Snowdan memberitahu bahawa AMD merupakan jenama yang kini dikenali sebagai pendukung hal ehwal artis Dayak di Sarawak oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM), Astro dan juga TV3.